

**CERPEN-CERPEN TERPILIH REJAB F.I.
DALAM PERSPEKTIF TEORI
PENGKAEDAHAN MELAYU**

OSMAN BIN AYOB

UNIVERTISI SAINS MALAYSIA

2022

**CERPEN-CERPEN TERPILIH REJAB F.I.
DALAM PERSPEKTIF TEORI
PENGKAEDAHAN MELAYU**

oleh

OSMAN BIN AYOB

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan
bagi Ijazah Sarjana Sastera**

Januari 2022

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah perkenan-Nya telah memberi kekuatan dan keyakinan dapat menyiapkan tesis ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dr. Roslan bin Chin, Pensyarah Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia sebagai Penyelia Utama dan Dr. Chow Sheat Fun sebagai Penyelia Bersama. Sepanjang di bawah penyeliaan Dr. Roslan bin Chin, saya amat menghargai komitmen beliau dalam memberi bimbingan dan tunjuk ajar sehingga tesis ini dapat disiapkan. Terima kasih juga kepada kakitangan perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia yang memberi kerjasama sepanjang saya membuat kajian dan rujukan. Begitu juga semua pensyarah dan kakitangan Universiti Sains Malaysia yang sentiasa memberi bantuan yang diperlukan. Sesungguhnya Allah SWT yang dapat membalas budi baik tersebut. Juga, ucapan terima kasih kepada keluarga tercinta, isteri, anak serta menantu dan cucu yang telah memberi sokongan serta dorongan sehingga berjaya menyiapkan tesis ini. Akhir kata, sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH.....	ix
SENARAI SINGKATAN.....	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	4
1.3 Permasalahan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian.....	10
1.5 Batasan Kajian	11
1.6 Tinjauan Kajian Lepas	13
1.6.1 Kajian Tentang Unsur-unsur Moral.....	13
1.6.2 Kajian Tentang Elemen Dakwah.....	14
1.6.3 Kajian Tentang Nilai Kemasyarakatan	16
1.6.4 Kajian Tentang Karya-karya Rejab F.I.....	18
1.6.5 Kajian-kajian Karya Berkaitan Teori Pengkaedahan Melayu.....	21
1.6.6 Rejab F.I. dan Pencapaiannya	28
1.7 Kerangka Teori	29
1.8 Kepentingan Kajian.....	31
1.9 Definisi Istilah.....	33
1.9.1 Moral.....	33
1.9.2 Dakwah	34

1.9.3	Masyarakat	35
1.10	Organisasi Tesis	36
1.11	Kesimpulan.....	36
BAB 2 TEORI DAN METODOLOGI		38
2.1	Pengenalan.....	38
2.2	Teori Pengkaedahan Melayu	38
2.2.1	Pengkaedahan Alamiah.....	41
2.2.2	Pendekatan Moral.....	43
2.2.3	Pengkaedahan Keagamaan.....	48
2.2.4	Pendekatan Dakwah.....	49
2.2.5	Pendekatan Kemasyarakatan.....	51
2.3	Metodologi.....	54
2.4	Kesimpulan.....	57
BAB 3 UNSUR MORAL DALAM CERPEN REJAB F.I.....		58
3.1	Pengenalan.....	58
3.2	Prinsip Hidup sebagai Teras Moral.....	58
3.2.1	Prinsip Hidup Sebagai Teras Moral dalam Cerpen <i>Kekosongan</i>	59
3.2.2	Prinsip Hidup Sebagai Teras Moral dalam Cerpen <i>Suatu Subuh yang Bening</i>	64
3.2.3	Prinsip Hidup Sebagai Teras Moral dalam Cerpen <i>Monolog Awang Batil</i>	65
3.2.4	Prinsip Hidup Sebagai Teras Moral dalam Cerpen <i>Selamat Hari Guru Cikgu</i>	67
3.2.5	Prinsip Hidup Sebagai Teras Moral dalam Cerpen <i>Keusangan</i>	69
3.2.6	Prinsip Hidup Sebagai Teras Moral dalam Cerpen <i>Taubat Nasuha</i>	73
3.2.7	Prinsip Hidup Sebagai Teras Moral dalam Cerpen <i>Multazam</i>	75
3.3	Moral Membentuk Perubahan Sikap dan Pemikiran	75

3.3.1	Moral Membentuk Perubahan Sikap dan Pemikiran dalam Cerpen <i>Kekosongan</i>	76
3.3.2	Moral Membentuk Perubahan Sikap dan Pemikiran dalam Cerpen <i>Suatu Subuh yang Bening</i>	79
3.3.3	Moral Membentuk Perubahan Sikap dan Pemikiran dalam Cerpen <i>Monolog Awang Batil</i>	81
3.3.4	Moral Membentuk Perubahan Sikap dan Pemikiran dalam Cerpen <i>Selamat Hari Guru Cikgu</i>	83
3.3.5	Moral Membentuk Perubahan Sikap dan Pemikiran dalam Cerpen <i>Keusangan</i>	84
3.3.6	Moral Membentuk Perubahan Sikap dan Pemikiran dalam Cerpen <i>Taubat Nasuha</i>	86
3.3.7	Moral Membentuk Perubahan Sikap dan Pemikiran dalam Cerpen <i>Multazam</i>	87
3.4	Menyesuaikan Diri dengan Keadaan.....	90
3.4.1	Menyesuaikan Diri dengan Keadaan dalam Cerpen <i>Kekosongan</i>	90
3.4.2	Menyesuaikan Diri dengan Keadaan dalam Cerpen <i>Suatu Subuh yang Bening</i>	91
3.4.3	Menyesuaikan Diri dengan Keadaan dalam Cerpen <i>Monolog Awang Batil</i>	92
3.4.4	Menyesuaikan Diri dengan Keadaan dalam Cerpen <i>Selamat Hari Guru Cikgu</i>	93
3.4.5	Menyesuaikan Diri dengan Keadaan dalam Cerpen <i>Keusangan</i>	94
3.4.6	Menyesuaikan Diri dengan Keadaan dalam Cerpen <i>Taubat Nasuha</i>	95
3.4.7	Menyesuaikan Diri dengan Keadaan dalam Cerpen <i>Multazam</i>	96
3.5	Kesimpulan	97
BAB 4 ELEMEN DAKWAH DALAM CERPEN-CERPEN REJAB		
	F.I	99
4.1	Pengenalan	99
4.2	Dakwah Lahirkan Insan Berakhlak	102
4.2.1	Dakwah Melahirkan Insan Berakhlak dalam Cerpen <i>Suatu</i>	

	<i>Subuh yang Bening</i>	103
4.3	Dakwah Memupuk Keinsafan.....	111
4.3.1	Dakwah Memupuk Keinsafan dalam Cerpen <i>Keusangan</i>	111
4.3.2	Dakwah Memupuk Keinsafan dalam Cerpen <i>Taubat Nasuha</i>	115
4.3.3	Dakwah Memupuk Keinsafan dalam Cerpen <i>Pasrah</i>	119
4.4	Dakwah Membentuk Integriti Bersama Masyarakat	122
4.4.1	Dakwah Membentuk Integriti Bersama Masyarakat dalam Cerpen <i>Monolog Awang Batil</i>	123
4.5	Kesimpulan.....	129
BAB 5	NILAI-NILAI KEMASYARAKATAN DALAM CERPEN-CERPEN REJAB F.I.....	132
5.1	Pengenalan.....	132
5.2	Nilai Kemasyarakatan dalam Kalangan Tokoh Korporat dan Tokoh Kesenian	133
5.2.1	Nilai Kemasyarakatan dalam Kalangan Tokoh Korporat dalam Cerpen <i>Keusangan</i>	134
5.2.2	Nilai Kemasyarakatan dalam Kalangan Tokoh Kesenian dalam Cerpen <i>Monolog Awang Batil</i>	139
5.3	Nilai Kemasyarakatan dalam Kalangan Petani dan Rakyat Marhaen.....	142
5.3.1	Nilai Kemasyarakatan dalam Kalangan Petani dan Rakyat Marhaen dalam Cerpen <i>Sebuah Kampung di Daerah Pendalaman</i>	142
5.3.2	Nilai Kemasyarakatan dalam Kalangan Petani dan Rakyat Marhaen dalam Cerpen <i>Menganyam Pelangi</i>	148
5.4	Nilai Kemasyarakatan Bersimbolkan Binatang dan Pahlawan Lampau	155
5.4.1	Nilai Kemasyarakatan Bersimbolkan Binatang dalam Cerpen <i>Deklarasi Belantara</i>	155
5.4.2	Nilai Kemasyarakatan Bersimbolkan dalam Pahlawan Lampau Cerpen <i>Dialog Pahlawan</i>	162
5.5	Kesimpulan.....	168
BAB 6	PENUTUP.....	171

6.1	Pendahuluan.....	171
6.2	Perbincangan Kajian	172
6.3	Implikasi Kajian.....	176
6.4	Cadangan	177
6.5	Kesimpulan.....	178
	RUJUKAN	179
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1	Pemetaan Instrumen cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I. menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) 56
Jadual 6.1	Analisis unsur moral, dakwah dan kemasyarakatan dalam cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I 172

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Kerangka Teori Pengkaedahan Melayu..... 30
Rajah 2.1	Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (Sumber daripada Dewan Sastera, Dis. 1989: 60) 41
Rajah 2.2	Kerangka Metodologi Kajian..... 56

SENARAI SINGKATAN

AKRAB	Persatuan Penggerak Warisan dan Budaya Kedah
AMANAH	Parti Amanah Negara
BERSATU	Parti Peribumi Bersatu Malaysia
BN	Barisan Nasional
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DBP	Dewan Bahasa Pustaka
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
GAPENA	Gabungan Persatuan Penulis Nasional
JKKN	Jabatan dan Kesenian dan Kebudayaan Negeri
KTM	Keretapi Tanah Melayu
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PATI	Pendatang Tanpa Izin
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PRU-14	Pilihan Raya Umum
SKDP	Sebuah Kampung di Daerah Pedalaman
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
SSYB	Suatu Subuh yang Bening
SWT	Subhanahuwataala
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
WARISAN	<i>Sabah Heritage Party</i>

**CERPEN-CERPEN TERPILIH REJAB. F.I. DALAM PERSPEKTIF
TEORI PENGAEDAHAN MELAYU**

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis elemen moral, dakwah dan kemasyarakatan yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih karya Rejab F.I. Penyelidikan ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui analisis isi kandungan. Data adalah terdiri daripada petikan-petikan dalam teks yang terangkum dalam elemen-elemen yang mempunyai kaitan rapat dengan dunia kehidupan orang-orang Melayu yang keseluruhannya beragama Islam. Sehubungan dengan itu, terjemahan ayat-ayat Quran, hadis dan sejarah dan budaya orang-orang Melayu akan digunakan. Memandangkan cerpen-cerpen yang dipilih melakarkan persoalan kemanusiaan, sosiobudaya dan ekonomi masyarakat Melayu, maka Teori Pengkaedahan Melayu yang mempunyai kelebihan sebagai landasan untuk menganalisis setiap persoalan yang diketengahkan pengarang dalam cerpen-cerpennya. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa melalui watak dan perwatakan yang dipaparkan, Rejab F.I. mengaitkannya dengan landskap dan fitrah alam yang mencorakkan kehidupan manusia. Penyelidikan ini juga mendapati, melalui unsur moral, watak mempunyai prinsip tertentu dalam menegak dan mengekalkan moralnya yang tinggi. Bagi watak yang pada peringkat awal mempunyai moral yang buruk, kembali menjadi manusia yang baik setelah menyedari kesilapan yang dilakukan dan kembali ke jalan yang direndai Allah. Melalui elemen dakwah, watak boleh terlanjur dalam dunianya yang dipengaruhi kekufuran, tetapi kembali mematuhi suruhan Allah setelah mengakui kesilapan lampau. Dakwah selain datang dari dalam diri, juga datang daripada persekitaran, pemikiran baru berpunca daripada faktor usia dan kesihatan. Dari sudut

nilai kemasyarakatan, watak tidak hidup sendirian dalam mencapai sesuatu tujuan tanpa bantuan dan kerjasama watak-watak lain untuk bertindak demi kepentingan bersama. Hal ini kerana manusia mempunyai akal fikiran, cita-cita dan matlamat hidup. Ikatan kemasyarakatan pula amat penting untuk *survival*. Kesimpulannya, daripada kajian ini menunjukkan bahawa cerpen-cerpen yang dikaji mengetengahkan mesej yang jelas ke arah keinsafan, kemurnian dan kesejahteraan hidup manusia sejagat. Rejab F.I. adalah seorang cerpenis yang tajam daya kreativitinya. Melalui cerpen-cerpen yang dikaji, persoalan moral, dakwah dan kemasyarakatan diolah dengan menggunakan teknik naratif, monolog dan dialog secara berkesan. Sehubungan dengan itu, kajian ini bermanfaat bukan sahaja kepada penerokaan pemikiran baru yang kritis mengikut peredaran masa, malah teknik dan bentuk cerpen itu sendiri menjadi ukuran peningkatan karya yang tidak lagi terbatas pada zamannya. Justeru itu, mesej yang diperjuangkan Rejab F.I. selama ini tentang penguasaan dalam bidang sains dan teknologi perlu diseimbangkan dengan kemajuan bahasa dan budaya adalah perlu sebagai teras melahirkan bangsa yang mempunyai jati diri dan memiliki integriti yang tinggi.

**SELECTED SHORT STORIES FROM REJAB F.I. BASED ON
PERSPECTIVE OF MALAY METHODOLOGICAL**

ABSTRACT

The purpose of this study is to analyze the element of moral, da'wah and community found in the selected short stories by Rejab F.I. This research employs a qualitative design using a content analysis approach. The data are composed of passages in the text which encapsulate elements that are closely associated with the lives of the Malays who are Muslims. Subsequently, the translation of the verses in the Al-Quran, the Hadith and the history and culture of the Malay people are used. Since the selected short stories highlight the issues related to humanitarian, socio-cultural and the economy of the Malay community, the author adopts the Theory of Malay Methodology which has an added advantage of being a platform in analysing each proposition portrayed in the short stories. The results of this study shows that the character and personalities featured by Rejab F.I., portray a landscape associated with the natural environment that shapes the human life. This research also found that, the incorporation of moral elements, revealed that the characters possess principles in upholding and maintaining a high level of morality. A character that projects corrupt morality in the beginning, that then later part of the text reverted to being a worthy human being after realizing the sins committed and returns to a path that pleases Allah. Through the element of da'wah, the character that was once immersed in his own world influenced by disbelief returned to obey the commands of Allah after acknowledging one's past sins. Besides stemming from within, da'wah also comes from the environment as well as new thoughts that stem from age and health factors. In terms of social values, the characters do not live alone

in achieving their goals without the help and cooperation from other characters in working towards a common good. This is because humans have minds, ambitions, and goals in life. Societal ties are vital for survival. In conclusion, this study shows that the analysed short stories convey clear messages towards the realization, purity and well-being of universal human life. Rejab F.I. has a sharp creativity as a short story writer. Through the short stories studied, the quests related to morality, da'wah and community propositions are well elaborated effectively using narrative techniques, monologues and dialogue. Consecutively this study is not only beneficial for the exploration of new critical thinking over time, but the technique and form of the short story serve as a measure of improvement of work that transcends time. Hence, the message delivered by Rejab F.I. is that the mastery of science and technology needs to be balanced with the progress of language and culture as the foundation for producing a nation that has a strong sense of identity and integrity.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Menurut Islam, manusia merupakan makhluk yang paling sempurna diciptakan Allah untuk menjadi khalifah di muka bumi (Haron Din, 1988:7). Sebagai makhluk yang paling sempurna, manusia mempunyai fungsi rohani dan jasmani yang sesuai bagi menghadapi cabaran di dunia yang bersifat sementara ini, di samping mencari bekalan di akhirat. Haron Din (1988: 8), menegaskan lagi bahawa Allah yang menciptakan manusia oleh itu Dialah yang mengetahui asal kejadian, kelemahan dan kesempurnaan, tugas dan risalah, kedudukan dan jawatan, matlamat dari kewujudan dan falsafah hidup, juga mengetahui tentang kepastian hidup yang abadi kelak. Jadi, Allah menjadikan manusia dengan fungsi dan rohani yang sesuai bagi menghadapi cabaran di dunia yang bersifat sementara serta mencari bekalan di akhirat yang abadi.

Justeru manusia dikurniakan akal fikiran, azam dan cita-cita serta kesanggupan untuk meneroka kehidupan dengan kemampuan yang maksimum. Dalam al-Quran, Allah Taala menjelaskan tentang keistimewaan manusia dengan firman-Nya yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya,” (Surah At-Tiin, ayat 4: hlm. 1076).

Seterusnya, Allah Taala menegaskan hal kejadian manusia sebagai makhluk yang paling sempurna dari segi mental dan fizikal. Juga manusia diberi nikmat rezeki dan kemuliaan tertentu dengan firman-Nya yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami muliakan anak cucu Adam dan Kami membawa mereka ke daratan dan lautan dan Kami berikan mereka rezeki yang sebaik-baik dan Kami lebihkan mereka atas kebanyakan daripada siapa sahaja yang Kami ciptakan dengan kelebihan yang sempurna,” (Surah al-Isra: Ayat 70).

Oleh sebab manusia dicipta dengan sebaik-baiknya, maka manusia mempunyai kelebihan yang tidak ada pada makhluk yang lain. Kelebihan seperti akal fikiran membolehkan manusia berfikir dan menggunakan sepenuh kemampuan untuk membentuk kehidupan di dunia. Pembentukan kehidupan ini selari dengan keperluan duniawi, tetapi hakikatnya pembentukan kehidupan itu tidak terlepas daripada keperluan yang lebih hakiki iaitu akhirat. Hal ini menggambarkan betapa kompleksnya tuntutan kehidupan manusia yang dibekalkan dengan akal dan fikiran. Bagi memenuhi keperluan dunia dan akhirat ini, manusia saling bergantung kepada kepercayaan bahawa hidup ini perlu berpegang kepada ajaran agama.

Agama terawal turun di muka bumi dibawa oleh Nabi Adam A.S. Dalam hubungan penciptaan manusia dan penguasaannya di bumi melalui firman berikut yang bermaksud:

“Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi. Mereka berkata: Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, pada hal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan menyucikan Engkau? Tuhan berfirman sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.” (Surah al-Baqarah ayat 30).

Menurut pandangan Islam, Nabi Adam A.S. merupakan nabi (utusan) Allah dan juga manusia pertama bergelar khalifah Allah yang dimuliakan dan ditinggikan darjatnya menjadi nabi. Baginda diutuskan kepada anak cucunya agar menyembah Allah, Tuhan Yang Maha Esa.

Menurut Nikon Widya Yunita (2020), agama Islam muncul di Semenanjung Arab pada kurun ke-7 Masihi. Nabi Muhammad SAW mendapat wahyu daripada Allah pada 17 Ramadan di Gua Hira'. Agama Islam kemudian berkembang ke Asia Tenggara dibawa oleh saudagar dan pelayar Arab pada kurun ke-11. Umum menganggap bahawa Islam wujud pertama kali di Malaysia pada abad ke-10 di Terengganu. Pandangan ini adalah berdasarkan Batu Bersurat Terengganu yang ditemui di Kuala Berang Terengganu bertarikh 1303 Masihi. Lantas agama Islam berkembang dan diterima oleh masyarakat Melayu dengan kedudukannya di Malaysia dijamin oleh perlembagaan Perkara 3-Agama Islam bagi Persekutuan menyatakan Islam adalah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Atas jaminan yang termaktub dalam perlembagaan, umat Islam di Malaysia bukan sahaja dapat mengembangkan ajaran Islam tetapi mengamalkannya dengan bebas dan harmoni.

Bagaimanapun dalam mengharungi kehidupan, umat Islam tidak dapat lari daripada pelbagai dugaan sama ada dari dalam, mahupun dari luar diri sendiri. Ada kalanya persekitaran yang berubah mengikut peredaran masa juga menjadi suatu cabaran. Bagi umat Islam yang mempunyai kekuatan iman dan keutuhan akidah, prinsip ketakwaan menjadi tunjang kepada kehidupan yang sempurna. Imam Ghazali dalam kitabnya, *Ihya' Ulumuddin* (1992: 692, Jld. 2) menegaskan, manusia yang sentiasa berpegang kepada amar-ma'ruf (menyeluruh dan berbuat kebajikan) dan nahi-mungkar (melarang berbuat yang mundur) aka mendapat paduan hidup sempurna. Manusia yang mempunyai matlamat dalam hidup perlu memiliki ciri-ciri seperti mempunyai moral yang baik, dakwah sesama manusia dan saling berhubungan serta mempunyai etika yang terpuji dalam menyusuri nilai-nilai kemasyarakatan. Jadi hal ini berpadanan dengan Teori Pengkaedahan Melayu yang

akan diteliti melalui cerpen-cerpen Rejab F.I yang sering merakamkan kehidupan masyarakat di dalam ceritanya (Hashim Awang, 1993).

1.2 Latar Belakang Kajian

Moral mempunyai pengertian dan interpretasi yang luas. Moral menunjukkan kepada satu sistem perlakuan yang berdasarkan prinsip-prinsip yang dianggap benar, baik dan perlu diamalkan. Mengikut *Kamus Dewan, Edisi Ke-3* (1994: 897), moral mempunyai maksud ajaran atau pegangan buruk baik sesuatu perbuatan (kelakuan dan sikap) dan cara berkelakuan yang berasaskan atau yang diukur baik buruk sesuatu akhlak. Akhlak pula didefinisikan sebagai tabiat, perangai budi, adab, sifat semula jadi, maruah, watak, amalan agama atau rupa batin. Jadi akhlak seseorang diertikan sebagai budi pekerti yang dimiliki seseorang terkait dengan sifat-sifat yang ada dalam dirinya.

Nilai moral amat penting dalam kehidupan untuk masyarakat berpegang teguh kepada ajaran agama. Kepatuhan kepada agama amat penting untuk membentuk insan yang sentiasa patuh kepada perintah Allah dan setia kepada bangsa dan negara. Sehubungan dengan itu, pemikiran moral berasaskan kepada agama, penting untuk membentuk masyarakat yang bersatu padu, aman dan harmoni. Dalam sudut pandang Islam, selain moral, peranan dakwah adalah saling berkaitan. Raihan (2019), menyentuh melalui pengertian yang diberikan oleh Hamka bahawa dakwah merupakan kata benda yang berasal dari kata *daa* dan *yadu*, bererti seruan, rayuan, ajakan, memanggil, menghimbau, mengharap dan kalimat-kalimat lain yang memiliki erti yang serupa. Sehubungan dengan itu, dakwah secara total mengajak manusia mengamalkan nilai-nilai Islam bagi menghidupkan dan menyeimbangkan manusia sebagai suatu usaha berterusan dalam masyarakat.

Dengan pengertian yang lebih luas, Ahmad A. Mokhtar, Muhd. Choirir, Zikmal Fuad dan Ahmad Fauzi Mukhtar (2014), dalam kertas kerja *Fikrah Dakwah Shaykh Muhammad Al-Ghazali* menegaskan seorang pendakwah hendaklah memiliki tiga kriteria asas iaitu kebenaran dengan ilmu, kerohanian, dan teladan yang baik dalam kalangan masyarakat. Tegasnya, kecemerlangan berfikir spiritual yang tinggi dan teladan yang bijak menjadi syarat utama pendakwah yang berwibawa. Dalam hubungan ini, Abdul Aziz Harjin (2019) memetik *Abul Ala'Almardudi* yang menyatakan bahawa dakwah adalah menghidupkan manusia, iaitu menghidupkan pancaindera, daya pemerhatian, daya rasa, daya ciptanya, daya menghidupkan *dhmanir*, hati nurani yang *basirah*. Tuntasnya, amalan ini dapat menghidupkan manusia yang seimbang dari segi ilmu, iman dan ibadah serta ikhtiar dan doa.

Umat Islam yang bermoral dapat memperhalus akal budinya untuk sentiasa berfikir memperbaiki peranannya dalam masyarakat melalui dakwah. Melalui dakwah seseorang boleh menyalurkan idea, peranan dan ilmu. Bahkan melalui dakwah seseorang dapat mempengaruhi orang lain serta mendapat ilmu baharu sesuai dengan percambahan dan perkongsian pemikiran yang dilakukan itu. Jadi berasaskan cara hidup yang bermoral iaitu berdakwah akan menjadi panduan ke arah kehidupan yang lebih sempurna mengikut landasan yang diredai Allah. Manusia memerlukan antara satu sama lain dalam kehidupan iaitu bermasyarakat. Masyarakat yang difahami adalah sekumpulan manusia yang hidup bersama-sama di sesuatu tempat dengan aturan tertentu.

Dalam kesusasteraan, selain novel, drama dan puisi, cerpen menjadi medium yang cukup berkesan dalam mengungkap persoalan moral, dakwah dan kemasyarakatan secara menyeluruh. Hal ini demikian kerana, cerpen secara relatifnya pendek dan padat untuk menyalurkan aliran cerita dan mesej yang jitu.

Menurut Shahnnon Ahmad (2008: 600), cerpen ditakrifkan sebagai karya yang mempunyai komposisi kemas dan padat melebihi sesebuah novel. Pembinaan cerpen dituntut meninggalkan kesan yang benar-benar kompak dalam satu episod yang signifikan, melibatkan beberapa watak atau hanya satu watak yang benar-benar berfungsi. Hal ini menjadi cerpen sebagai pengisian tetap dalam kebanyakan akhbar dan majalah tempatan sejak dahulu. Cerpen dilihat memainkan peranan penting kepada pembaca, maka cerpen digunakan oleh pengarang dalam menyampaikan mesej yang jelas dan jitu kepada pembaca. Jadi perkara ini juga menjadi keutamaan oleh Rejab F.I.

Rejab F.I. merupakan penulis yang prolifik dalam bidang penulisan cerpen. Selain cerpen, beliau juga menulis puisi, novel, drama, cerita rakyat dan esei. Bermula dengan cerpen pertama beliau, *Kisah di Sinar Bulan* yang tersiar dalam majalah Utusan Filem dan *Sport*, 30 Ogos 1960 sehingga sekarang beliau telah menghasilkan 200 buah cerpen. Cerpen-cerpen beliau telah diterbitkan dalam 23 buah kumpulan cerpen. Antara kumpulan cerpen itu, *Berikan Padaku Syurga* (1970), *Dunia Serba Mungkin* (1970), *Keruntuhan* (1972), *Terpancarlah Sinar Menghilang Kabus* (1974), *Matahari Hitam di Dada Kota* (1977), *Kudrat* (1982), *Kesuraman Kabus Pagi* (1988), *Sebuah Perkahwinan* (1991), *Dialog Pahlawan* (1995), *Deklarasi Belantara* (2007), *Papaverine* (2015) dan *Duka Belantara* (2016).

Sebagai seorang pengarang, Rejab F.I. teruja dengan pengalaman ketika menjadi pendidik. Oleh sebab itu, banyak isu-isu yang mendalam dan penuh sensitiviti tentang dunia pendidikan dipaparkan dalam cerpen-cerpennya. Hal ini kerana pengalamannya yang luas selama lebih 30 tahun menjadi guru. Selain daripada itu, sebagai penulis yang peka dengan persekitaran dan masyarakat, Rejab F.I. tidak dapat berdiam diri meluahkan perasaannya tentang pergolakan yang

berlaku dalam negara melalui cerpen-cerpennya. Luahan perasaan itu apabila dianyam dengan bahasa kreatif yang bertenaga kemudian diolah bersama idea dan imaginasi yang tajam, maka lahirlah cerpen-cerpen yang tinggi nilai pemikiran dan falsafah.

Cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh Rejab F.I. merangkumi kepelbagaian tema seperti kemanusiaan, agama, ekonomi, politik dan seni budaya. Melalui watak dan perwatakan yang diketengahkan ada kaitan yang rapat dengan prinsip kehidupan orang Melayu yang berpegang teguh kepada ajaran Islam. Justeru, cerpen-cerpen yang dianalisis wajar untuk diaplikasikan mengikut teori Pengkaedahan Melayu yang menjadikan elemen moral, dakwah dan kemasyarakatan sebagai asas pendekatannya. Hal ini berpadanan dengan pendapat Hashim Awang (1993: 1), bahawa cerpen membawa suatu kisah yang boleh melahirkan satu persoalan dan kesan tertentu. Sesebuah cerpen konvensional tidak dapat dipisahkan dengan watak dan perwatakan, berlatarbelakangkan masyarakat sekeliling dan mengaitkannya dengan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan seharian. Jadi ciri-ciri yang terdapat dalam sesebuah cerpen adalah keseimbangan antara latar, masa, geografi atau persekitaran yang membantu dalam menghidupkan watak dan perkembangan cerita.

Selain itu, cerpen terjalin bersama konflik dan unsur alam yang dapat menghidupkan suasana. Hal ini merupakan kelebihan yang ada dalam struktur sesebuah cerpen terutama cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh Rejab F.I. Kajian ini, menganalisis cerpen-cerpen Rejab F.I. yang kuat dengan jati diri Melayu melalui rupa parasnya, akal dan budinya, gerak dan rasanya, adat dan adabnya, jasad dan semangatnya, zahir dan batinnya. Rejab F.I. cukup kuat dengan semangat cintakan bahasa Melayu (Nor Hashimah Ismail, 2007). Sebagai seorang penulis yang melalui zaman awal kemerdekaan Tanah Melayu, beliau memiliki semangat patriotisme yang

mendalam. Malahan semangat cintakan bangsa dan tanah air terungkap dalam karya-karya beliau dengan nada-nada kemelayuan dan keislaman. Inilah kelebihan yang ada pada Rejab F.I. Hasan Baseri Budiman (2019: 13) menganggap Rejab F.I. adalah antara individu yang unik lantaran menjadi guru di dalam kelas dan juga kepada masyarakat luar melalui cerpennya. Rejab F.I. bukan sekadar pendidik yang baik, tetapi dianugerahkan bakat menulis yang istimewa dalam menyebarkan senario di sekolah kepada masyarakat.

Rahman Shaari (2019: 12) pula berpendapat kehebatan Rejab F.I. bukan sekadar terhadap kemampuan beliau melontarkan buah fikirannya, juga kemampuan membina imejnya sendiri sebagai seorang penulis. Menurut Rahman Shaari lagi, orang mudah mengingat Rejab F.I. kerana karya-karyanya yang terlalu banyak di pasaran. Rejab F.I. sangat berjaya melakukan semua itu apabila menghasilkan beratus buah karya sebagai penanda kewujudannya. Dalam hal ini, Md. Salleh Yaafar (2019: 12) merumuskan bahawa Rejab F.I. memiliki mata yang cukup tajam ketika berbicara tentang masyarakat di dalam karyanya. Beliau bukan sahaja berbakat menghasilkan cerpen yang menarik dengan bersumberkan masyarakat di sekelilingnya, malah tarikan itu diungguli oleh kemampuan beliau dalam menggarap suatu bentuk penulisan sehingga mampu meruntun jiwa pembaca. Kajian ini mengambil kira latar belakang Rejab F.I. sebagai seorang pendidik, penggiat seni, sasterawan serta budayawan juga pengarang karya kreatif yang mempunyai punca kuasa untuk menarik pengkaji lain dalam meneruskan kajian.

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian terhadap cerpen Melayu moden sering dilakukan meliputi aspek tema, persoalan, plot, perwatakan dan gaya bahasa. Bagaimanapun kajian terhadap cerpen-cerpen Rejab F.I. berlandaskan teori masih belum ditemui. Sehubungan dengan itu, permasalahan pertama, kajian ini bertujuan meneliti tafsiran khusus tentang tujuan Rejab F.I. dalam penghasilan cerpennya berdasarkan teori pilihan. Hal ini demikian kerana, kebanyakan penceritaan melalui sensitivitinya yang tajam terhadap isu-isu semasa. Selain itu, Rejab F.I. telah membina nama dan identitinya sebaris dengan pengarang yang seangkatan dengannya seperti Azizi Haji Abdullah, Md. Noor Salleh (Noorjaya), Mohd. Mansor Abdullah (M. Asyikin), S. Othman Kelantan, Othman Puteh dan lain-lain. Namun begitu, permasalahan tentang hala tuju karya-karya beliau masih belum ditemui dalam kajian-kajian yang berlandaskan teori-teori tertentu.

Rejab F.I. menghasilkan 200 buah cerpen yang mengandungi pelbagai tema dan persoalan. Dengan mengambil kira prinsipnya yang melihat ke dalam diri orang Melayu iaitu penekanan tentang kemajuan perlu diseimbangkan antara sains dan teknologi dengan bahasa dan budaya. Jika tidak sesuatu kaum akan pincang lantas mudah terdedah kepada pelbagai gejala moral (Lampiran A: Soalan No. 6). Jadi permasalahan kedua yang disuarakan oleh Rejab F.I. sudah berlaku dalam masyarakat kini. Cerpen-cerpennya dikatakan telah menyuarakan hal tersebut. Jadi pemilihan 12 buah cerpen ini diharapkan dapat mengungkap pelbagai permasalahan untuk dianalisis kebenarannya terutama dari segi moral seperti yang dinyatakan oleh beliau.

Permasalahan seterusnya, secara konvensional dikatakan setiap cerpen mempunyai watak dan perwatakan yang aktif untuk bergerak dan berperanan mengikut nilai-nilai selaras dengan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat Melayu seperti mempunyai budi pekerti, sikap dan pemikiran yang selari ajaran Islam. Perkara ini selaras dengan pandangan Ismail Abd. Rahman (2016: 112), bahawa karya-karya yang dihasilkan oleh orang Islam turut mengungkapkan fikiran dan tradisi pemikirannya. Semuanya berada dalam ruang lingkup yang tetap berpaksikan kepada ajaran Islam di samping disempadani oleh adat resam dan budaya Melayu. Oleh itu kajian bertujuan merungkaikan masalah yang berbangkit pada setiap watak dan perwatakan dengan penekanan kepada dimensi etika sama ada yang dalam keluarga atau masyarakat. Susulan itu, setiap watak yang terlibat dalam cerpen-cerpen yang dipilih akan diteliti melalui unsur moral, dakwah dan kemasyarakatan selaras dengan Teori Pengkaedahan Melayu.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini berlandaskan kepada tiga objektif utama:

- i. Mengetahui pasti unsur-unsur moral berkaitan sikap dan perlakuan masyarakat Melayu yang terdapat dalam cerpen-cerpen Rejab F.I.
- ii. Menjelaskan secara terperinci elemen dakwah setiap watak yang terdapat dalam cerpen-cerpen Rejab F.I.
- iii. Menganalisis tentang nilai-nilai kemasyarakatan yang menjadi pegangan masyarakat dalam cerpen-cerpen Rejab F.I.

1.5 Batasan Kajian

Rejab F.I. telah menghasilkan 23 buah kumpulan cerpen persendirian. Dalam pemilihan teks kajian, pengkaji menumpukan kepada dua buah kumpulan cerpen iaitu *Deklarasi Belantara* (DBP, 2007) dan *Papaverine* (DBP, 2015). Hanya dua buah naskhah kumpulan cerpen ini kerana cerpen-cerpen sesuai dengan konsep Teori Pengkaedahan Melayu. Keutamaan ini juga diberikan kerana kumpulan cerpen *Papaverine* memuatkan 24 buah cerpen terbaik Rejab F.I. yang dihasilkan daripada tahun 1962 hingga 2011. Perkara ini diakui oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara (2015: ix), dalam kata pengenalannya buku tersebut seperti berikut; memandangkan keseriusan dan kesungguhan beliau menghasilkan cerpen, kami mengambil inisiatif menerbitkan antologi sebagai kumpulan cerpen terpilih dan terbaik Rejab F.I. Menurut A. Rahim Abdullah (2020: 31), karya dalam kumpulan cerpen *Papaverin* ini adalah manifestasi dan perakam sosial di negeri kelahirannya untuk memperjuangkan kemiskinan rakyat.

Oleh itu, cerpen-cerpen pilihan daripada *Deklarasi Belantara* adalah *Multazam*, *Selamat Hari Guru Cikgu* dan *Deklarasi Belantara*. Manakala daripada kumpulan cerpen *Papaverine* pula berjudul *Kekosongan*, *Suatu Subuh yang Bening*, *Keusangan*, *Taubat Nasuha*, *Pasrah*, *Monolog Awang Batil*, *Sebuah Kampung di Daerah Pedalaman*, *Menganyam Pelangi*, dan *Dialog Pahlawan*. Kewajaran cerpen-cerpen ini dipilih untuk kajian kerana setiap satunya mempunyai kelebihan dari segi tema dan persoalan, teknik dan gaya bahasa serta mesej yang kontemporari berbanding dengan cerpen-cerpen lain.

Kajian terhadap semua cerpen pilihan tersebut hanya tertumpu kepada tiga pendekatan yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu, iaitu Pendekatan

Moral, Pendekatan Dakwah dan Pendekatan Kemasyarakatan. Melalui Pendekatan Moral, kajian hanya terbatas kepada cerpen *Kekosongan*, *Suatu Subuh yang Bening*, *Keusangan*, *Taubat Nasuha*, *Multazam*, *Monolog Awang Batil* dan *Selamat Hari Guru Cikgu*. Tumpuan analisis adalah terhadap hubungan moral antara manusia sesama manusia dan persoalan berkaitan dengan nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan sejagat. Manakala melalui Pendekatan Dakwah pula, kajian hanya membabitkan cerpen *Suatu Subuh yang Bening*, *Keusangan*, *Taubat Nasuha*, *Monolog Awang Batil* dan *Pasrah*. Analisis akan menitikberatkan kepada persoalan yang menonjolkan aspek kebesaran Allah SWT sesuai dengan wadah-Nya, yakni mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan kepada-Nya.

Aspek kemasyarakatan pula kajian ini membataskan tentang pendekatan kemasyarakatan yang diutarakan oleh Hashim Awang (199: 63). Persoalan kemasyarakatan dilihat dari kaca mata Islam dari segi pegangan isi dan tema yang memancarkan permasalahan tersebut; kajian ini juga wajar terarah kepada latar belakang hidup pengarang untuk melihat sejauh mana sikap pandangan hidupnya selari dengan persoalan-persoalan kebajikan masyarakat yang dipaparkan dalam karya sasteranya. Melalui Pendekatan Kemasyarakatan gagasan Hashim Awang, sastera dianggap sebagai alat pendedahan pelbagai persoalan yang bertujuan mencari kebaikan dan keadilan dalam kalangan masyarakat seperti yang dituntut dalam Islam. Oleh sebab itu kajian ini dibatasi dan berada dalam lingkungan sempadan bahawa cerpen-cerpen yang dianalisis adalah berfungsi khusus membawa perutusan (*mission*) besar untuk kesejahteraan dan kebahagiaan umat manusia. Melalui Pendekatan Kemasyarakatan, cerpen-cerpen yang dianalisis ialah *Keusangan*, *Monolog Awang Batil*, *Deklarasi Belantara*, *Sebuah Kampung di Daerah Pedalaman*, *Menganyam Pelangi*, dan *Dialog Pahlawan 7*.

1.6 Tinjauan Kajian Lepas

Sudah banyak kajian terhadap karya sastera dilakukan oleh pengkaji di peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah. Setiap kajian haruslah berpandukan teori-teori tertentu sama ada yang berasal dari Barat mahupun teori yang diasaskan oleh sarjana tempatan. Dalam tinjauan kajian lepas ini hanya kajian mengenai unsur-unsur moral, elemen dakwah dan nilai kemasyarakatan sahaja akan diketengahkan.

1.6.1 Kajian Tentang Unsur-unsur Moral

Kajian tentang unsur moral di peringkat sarjana oleh Mohana a/p Munusamy (2018) bertajuk *Nilai Moral dalam Cerpen P. Sundarapandian*. Tesis tulisan Mohana ini memfokuskan kepada nilai moral yang terdapat dalam 20 buah cerpen Sundarapandian yang dimuatkan dalam kumpulan cerpen *Tirunti Va Makane, Oli Pirantatu, Verri Nicaya* dan *Vala Ninaittal Valaru*. Dengan menggunakan Teori Moral Aristotle, kajian Mohana menemui 13 nilai moral dalam cerpen-cerpen Sundarapandian. Semua nilai moral itu berkaitan isu-isu kehidupan seperti kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab, kasih sayang, kerajinan, keberanian, kerjasama, bertoleransi, kesederhanaan, kejujuran, berterima kasih dan berhemah tinggi. Mohana merumuskan nilai moral yang terdapat dalam cerpen-cerpen Sundarapandian adalah untuk menyampaikan amanat akibat daripada masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat India. Nilai moral dalam cerpen-cerpen Sundarapandian selain menyemai kebaikan, turut menyampaikan nasihat, teguran, pesanan dan juga panduan hidup kepada semua.

Seterusnya, Asmadira Haji Hashim (1997), melalui tesis sarjananya bertajuk *Cerpen Pilihan Rejab F.I. Penilaian Moral* telah memperincikan persoalan moral

dalam cerpen-cerpen yang dikajinya dengan merumuskan bahwa karya Rejab F.I. telah menampilkan nilai-nilai moral yang berlandaskan perspektif Islam. Pancaran nilai moral yang merangkumi moral dalam perhubungan manusia dengan Allah dan perhubungan manusia sesama manusia memperlihatkan kompleksiti dalam kehidupan dipaparkan dengan berkesan oleh Rejab F.I.

Seorang lagi pengkaji tentang unsur moral ialah Ahmad Mahamood (2000), dengan tesis sarjana berjudul *Aspek-aspek Moral Dalam Sajak-sajak Rejab F.I. 1960-1980*. Kajian ini tertumpu pada sajak-sajak Rejab F.I. yang dihasilkan dari tahun 1960 hingga 1980. Dalam kajiannya, Ahmad Mahamood memfokuskan persoalan moral terhadap Tuhan, moral terhadap masyarakat dan moral terhadap manusia. Beliau menyimpulkan bahawa aspek pemikiran, falsafah, persoalan, motif karya dan premis yang kesemuanya terarah kepada usaha membentuk nilai-nilai moral yang berlandaskan keislaman dalam memperteguh lagi hubungan manusia dengan Tuhan dan hubungan manusia sesama manusia serta hubungan manusia dengan alam.

1.6.2 Kajian Tentang Elemen Dakwah

Kajian ke atas elemen dakwah pernah dilakukan oleh Jumali Hj. Selamat, (2009). Judul kajiannya, *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah* yang dimuatkan dalam Jurnal Personalia Pelajar, Bil.12, Jun 2009. Berdasarkan novel *Menjaras Ribut* karya Darma Mohamad, pendekatan dakwah yang diketengahkan berteraskan kepada faktor keimanan dan ketakwaan yang bersendikan akidah Islam. Kajian Jumali menemukan dakwah Islamiah terbahagi kepada dua, iaitu dalam Islam dan luar Islam. Dakwah dalam Islam menuntut agar setiap Muslim saling ingat-mengingati dan nasihat-

menasihati antara satu sama lain untuk memperbaiki kehidupan di dunia dan akhirat, manakala dakwah di luar Islam meminta penganut Islam yang berilmu melaksanakan pelbagai kegiatan untuk mempengaruhi dan menjadi daya tarikan kepada masyarakat yang memberi manfaat kepada umat manusia keseluruhannya. Dakwah kepada golongan bukan Islam boleh melalui tiga kaedah iaitu melalui percakapan dan perbualan, menerusi pembacaan dan rujukan dan melalui perlakuan dan tunjuk cara.

Hashim Awang (1992: 72-74) dalam esei kritiknya tentang empat buah cerpen yang tersiar dalam majalah Dewan Sastera, Ogos 1992, dengan tajuk *Penggarapan Nilai Pendakwaan*, merumuskan cerpen-cerpen yang diulas berjudul *Simurgh*, *Semut Merah*, *Hukuman Cinta*, dan *Mellisa* cuba menyeru pembaca supaya mengenali dan mendampingi Tuhan. Pada pendapat beliau, dengan berbuat demikian sahajalah seseorang individu Muslim dapat mengenali hakikat diri dan seterusnya berusaha membersihkan hati nurani supaya berjaya mencapai martabat hidup yang direndai oleh Allah sama ada di dunia mahupun di akhirat kelak.

Hashim Awang (1993: 74-78) juga pernah menggunakan pendekatan dakwah untuk menyorot novel *Hidayah* karya Harun Haji Salleh. Esei tersebut berjudul *Menilai Hidayah dengan Pendekatan Dakwah* tersiar dalam majalah Dewan Sastera, November 1993, menegaskan novel tersebut sebagai satu wadah untuk mempertingkatkan nilai-nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah dengan menampilkan keindahan agama Islam melalui perantaraan utama, yakni pertuturan dan amalan watak utama novel tersebut yang dapat dijadikan contoh teladan terhadap perlakuan (akhlak) yang dituntut oleh Islam. Beliau menyimpulkan ciri-ciri dan kaedah dakwah sebagai; dakwah bukan paksaan, dakwah bukan magis, dakwah mengutamakan rasional, dakwah yang bersifat sejagat, dakwah adalah *anamnesis* dan dakwah adalah penyatuan antara agama.

Hadijah Johari (2019) mengkaji pula elemen dakwah yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Melamar Rindu* karya Osman Ayob. Dalam kajian tersebut, beliau memilih tiga buah cerpen iaitu *Gangguan*, *Doanya Termakbul* dan *Menimba Penawar*. Hadijah merumuskan ketiga-tiga cerpen tersebut dengan tiga perkara iaitu Manusia dengan agama tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan khususnya orang-orang Melayu yang beragama Islam, perbezaan pandangan antara golongan muda dengan golongan tua dan manusia dengan kepercayaan khurafat secara jelas bertentangan dengan akidah Islam. Faktor kepercayaan ini banyak disumbangkan oleh kejahilan umat Islam sendiri dalam ilmu agama. Justeru, Hadijah menyarankan usaha berterusan perlu digerakkan melalui perancangan dan strategi dakwah yang lebih berkesan mengikut perkembangan masa.

1.6.3 Kajian Tentang Nilai Kemasyarakatan

Kajian oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohammad Ali (1994/95) berjudul *Warna Sebuah Lembah: Satu kajian realiti masyarakat* mendapati bahawa kewujudan kampung-kampung setinggan di sekitar Kuala Lumpur adalah diakibatkan oleh kebanjiran penduduk desa yang datang ke Kuala Lumpur untuk mencari penghidupan baharu yang lebih selesa. Bagaimanapun, kehadiran mereka tanpa persediaan yang cukup memaksa mereka hidup dengan meneroka perkampungan setinggan yang mencatitkan pemandangan ibu kota. Oleh itu langkah kerajaan memajukan tapak tanah perkampungan setinggan dan memindahkan mereka ke flat menjadi alternatif yang tidak dapat dielakkan selain mengubah gaya hidup golongan tersebut di samping membendung gejala sosial yang semakin parah di perkampungan setinggan.

Othman Puteh (1992: 86) dalam tulisannya, *Warna Sebuah Lembah suatu potret realiti objektif*, merumuskan pendapat yang sama dengan kajian yang dilakukan oleh Tengku Marlina Tengku Muhammad Ali (1994/95). Kewujudan setingan berlaku di mana-mana kota dalam dunia ini. Masyarakat yang hidup adalah masyarakat yang bergerak mencari penghidupan yang lebih baik untuk survival masing-masing. Kota raya merupakan tempat untuk memperjudikan hidup untuk terus selamat atau sebaliknya. Dalam hubungan ini, pihak yang berkuasa, bertanggungjawab merancang dan melaksanakan sesuatu yang boleh memperbaiki sosioekonomi penduduk terbabit.

Nyam Chye Ling (2014) melalui kajian berkaitan *Novel Lembah Kencana berdasarkan pendekatan Sosiologi*, merumuskan bagaimana sekumpulan petani memugar tanah paya bagi dijadikan sawah padi. Kegigihan mereka bekerja keras dengan tenaga dan tulang empat kerat mengubah tanah paya yang semak dan penuh dengan binatang berbisa dan akhirnya menjadi sawah padi yang subur. Hal ini menggambarkan tentang nilai kegigihan sekumpulan masyarakat dalam menempuh pelbagai pancaroba untuk mencari kehidupan baru sebagai petani. Akhirnya mereka berjaya setelah nilai kegigihan itu disebatikan dalam diri mereka demi kelangsungan hidup.

Mawar Shafei (2008) dalam kertas kerjanya *Tragedi dan kreativiti dalam novel Melayu* menggunakan novel *Ombak Bukan Penghalang* sebagai teks kajiannya. Novel ini mengisahkan pembangunan semula Kampung Hujung Tanjung yang musnah dilanda tsunami pada tahun 2004. Dalam usaha untuk membangunkan semula kampung tersebut dan menjadikan pusat pelancongan berdaya maju, terdapat halangan yang pro dan kontra. Pertentangan ini tidak menghalang watak utamanya, seorang tokoh korporat yang mempunyai keazaman yang tinggi, iaitu Datuk Fakir.

Beliau akhirnya berjaya merealisasikan perancangannya dan berjaya mengatasi satu kelompok masyarakat yang bersikap negatif terhadap pembangunan.

Pandangan yang sama ikut dikongsi oleh Hashim Ismail (2008). Dalam kertas kerjanya beliau merumuskan, *Ombak Bukan Penghalang* secara sosiologikal mengemukakan satu pandangan positif terhadap minda masyarakat pascatsunami. Novel ini dapat diselusuri melalui pendekatan Strukturalisme-Genetik dapat menemui falsafah yang dikaitkan dengan nilai sosial yang dapat diubah dengan kejayaan nilai ekonomi. Terjemahan terhadap keperluan perubahan minda melalui kemajuan jelas pada aktiviti perubahan sikap dan nilai perubahan sosial yang selalu berlaku dalam masyarakat Melayu.

1.6.4 Kajian Tentang Karya-karya Rejab F.I.

Wong Siew Chan (1989/90) dalam kajian berjudul *Tema dan struktur dalam Cerpen-cerpen penulis Persatuan Penulis Perlis (3P)* telah memberi tumpuan kepada cerpen-cerpen Rejab F.I. yang dimuatkan dalam antologi *Berikan Padaku Syurga (1970)*, *Dunia Serba Mungkin (1970)*, *Keruntuhan (1972)*, *Bila Tempua Bersarang Rendah (1974)*, *Terpancarlah Sinar Menghilang Kabus (1974)*, *Matahari Hitam di Dada Kota (1977)*, *Jambatan Muhibah (1988)* dan *Kesuraman Kabus Pagi (1988)* sebagai bahan kajiannya. Wong Siew Chan mendapati semua cerpen Rejab F.I. memaparkan tema kemasyarakatan yang meliputi dunia remaja, peniaga, orang tua dan pendidik. Kelebihan yang terdapat pada cerpen-cerpen Rejab F.I. ialah pada plotnya yang mudah di samping digerakkan oleh gaya bahasa yang mantap.

Noor Azaliza Yahaya (1997), memilih puisi Rejab F.I. sebagai bahan kajiannya melalui *Kumpulan Puisi Seribu Riak di Pantai Usia: Satu kajian stilistik*. Beliau mengkaji aspek stilistik dan kekerapan penggunaannya dengan menghalusi

penggandaan, penggandaan penuh, penggandaan separa, unsur alam, abstrak, metafora, hiperbola, perulangan, anafora, mesodiplosis, epifora dan simile. Seterusnya beliau membuat penilaian kumpulan puisi *Seribu Riak di Pantai Usia* dari segi Leksikologi, Fonologi, Morfologi dan Sintaksis, Semantik dan Idiosinkrasi. Beliau merumuskan bahawa kumpulan puisi tersebut merupakan karya yang mampu mempamerkan kekreatifan Rejab F.I. dalam mencipta puisi. Berbanding dengan Ahmad Mahamood (2000) yang merumuskan aspek pemikiran, falsafah, persoalan dan motif karya dan premis semuanya terarah kepada usaha membentuk nilai moral yang berlandaskan keislaman, Noor Azaliza pula membuat kesimpulan bahawa kumpulan puisi yang dikajinya merupakan suatu karya yang mampu mempamerkan kekreatifan Rejab F.I. dalam mencipta puisi.

Kajian tentang novel pula dibuat oleh Tan Jin Tiong (1988/89), dengan judul *Satu tinjauan terhadap masyarakat desa melalui novel-novel Rejab F.I.* Novel-novel yang dipilih untuk kajian ialah *Pancaroba, Mereka yang Tergugat, Matahari di Kaki Langit dan Dosa telah Berampun*. Tan Jin Tiong mendapati bahawa keempat-empat buah novel Rejab F.I. yang dikaji banyak memaparkan persoalan yang dihadapi oleh kaum tani. Walaupun masalah-masalah ini adalah masalah biasa dan sering disuarakan pengarang-pengarang lain, namun persoalan yang diketengahkan menunjukkan kesungguhan Rejab F.I. memperjuangkan nasib kaum tani.

Nor Hashimah Ismail (2007) membuat kajian bertajuk *Unsur-unsur hiburan dan pengajaran Sastera Kanak-kanak karya Rejab F.I.* iaitu *Putera Kelapa Gading, Pengembara yang Berjasa, Naga Bukit Buan, Putera Tujuh Beradik, Pengembara Kembar, Putera Awan Berarak, Putera Raja Ular, Perantau Tiga Beradik, Putera Seladang Mayang dan Sokongan Pahlawan Murut*. Nor Hashimah mendapati bahawa sepuluh buah cerita kanak-kanak yang dikajinya mempunyai unsur hiburan

yang bersesuaian dengan minda kanak-kanak. Selain daripada itu, nilai murni yang mengandungi unsur pengajaran juga diterapkan dengan berkesan dalam karya-karya tersebut untuk diteladani oleh pembaca.

Nor Hashimah Ismail (2017), dalam kajian berikutnya berjudul *Novel Rejab F.I.: Konflik remaja dalam Kemelut Kasih*, mendapati Rejab F.I. adalah pengarang yang berwawasan dalam bidang penulisan melalui garapan cerita biarpun rekaan. Namun apabila pengalaman dan isu semasa digandingkan dengan plot cerita yang jitu dan mantap menjadikan cerita yang dipaparkan menarik dan berkesan. Pengalaman dan kreatif apabila disatukan telah menonjolkan Rejab F.I. sebagai penulis yang berjaya. Beliau berjaya untuk mengusik jiwa pembaca untuk menikmati cerita dan juga pengajaran yang hendak disampaikan.

Rejab F.I. turut berkecimpung dalam bidang penulisan drama dan mendapat perhatian Suzana Baharom (1988/89). Kajian beliau bertajuk *Rejab F.I. sebagai dramatis*. Drama yang menjadi kajian beliau ialah *Leraian Kasih, Tangan, Jerutan Hidup, Dosa telah Berampun, Dunia Serba Mungkin, Kau yang Amat Aku Sayang, Farah, Kudrat, Tanah Kampung, Pemasaran, Prasangka* dan *Si Tempang*. Suzana dalam kajiannya mendapati persoalan yang menjadi latar belakang dalam drama-drama Rejab F.I. adalah berkisar dalam masyarakat Melayu di luar bandar iaitu masyarakat yang terpinggir dari arus pembangunan dan kemajuan negara. Bagaimanapun dalam kajian ini, walaupun persoalan kemasyarakatan diberi tumpuan, namun terdapat perbezaan dari segi pendekatan yang terdapat dalam cerpen-cerpen yang dikaji.

1.6.5 Kajian-kajian Karya Berkaitan Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Pengkaedahan Melayu telah digunakan oleh beberapa orang pengkaji ke atas karya penulis lain. Zurinah Hassan (2008) dalam kajiannya bertajuk *Puisi Melayu Moden: Satu kajian Teori Pengkaedahan Melayu*. Beliau mengkaji 82 buah puisi karya 75 orang penyair terkenal tanah air seperti Latif Mohidin, Hashim Yaacob, A. Ghafar Ibrahim, Ahmad Sarju, Muhammad Haji Salleh, Ali Ahmad, Baha Zain, A. Wahab Ali, Shafie Abu Bakar dan lain-lain yang dihasilkan dari tahun 1969 hingga 1999. Dalam kajiannya, Zurinah menggunakan Pendekatan Firasat (dari Pengkaedahan Alamiah) dan Pendekatan Dakwah (dari Pengkaedahan Keagamaan) dengan penekanan khusus kepada tiga teras utama pembentukan kesusasteraan Melayu, iaitu teras Kebajikan, Teras Ketakwaan dan Teras Kesusilaan.

Zurinah merumuskan bahawa dalam aplikasi Pendekatan Firasat, beliau memberi tumpuan kepada penggunaan bahasa dan gaya bahasa, manakala Pendekatan Dakwah pula, tumpuan diberikan kepada mesej yang hendak disampaikan, khasnya mengenal pasti nilai-nilai kebaikan kepada kehidupan manusia selaras dengan ajaran Islam. Dalam kajiannya, beliau menekankan bahawa unsur alam dan peri laku manusia adalah penting dan menjadi teras dalam penciptaan puisi Melayu. Malah Pendekatan Firasat dan Pendekatan Dakwah adalah saling berhubung kait. Menyimpulkan puisi-puisi yang dikaji, dihasilkan oleh penyair setelah berlakunya interaksi, interpretasi dan integrasi dengan alam yang memberikannya makna atau pengertian tentang kehidupan yang dilalui.

Seorang lagi pengkaji, Naffi Mat (2010), mengkaji empat kumpulan puisi Dharmawijaya iaitu *Warna Maya*, *Derita Buana*, *Jejak Kembara* dan *Mutiara Kenangan* untuk kajian peringkat Ph.D. Tesis Naffi Mat berjudul, *Puisi-puisi Dharmawijaya: Kajian Teori Pengkaedahan Melayu dan Estetika* menggunakan

Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat dalam menganalisis 156 buah puisi Dharmawijaya yang dihasilkan dari tahun 1976 hingga 2006. Puisi-puisi Dharmawijaya dianalisis dalam konteks alam dan masyarakat desa dan kota, terbentuk daripada struktur masyarakat; petani, nelayan, peladang dan buruh kota. Landskapnya juga berkait langsung dengan sawah, ladang, gunung, bukit dan tumbuh-tumbuhan, kota, semuanya bergerak atau berfungsi dengan matahari, bulan, cakerawala dan awan. Semua ini terhasil daripada pengalaman dan rasa simpati yang wujud dari pencarian ilmu dan stratifikasi sosial yang kompleks. Naffi Mat mendapati Dharmawijaya memiliki ketajaman fikiran dalam mengamati serta menilai kehidupan masyarakatnya. Dharmawijaya memiliki kecenderungan yang mantap, kekuatan puisinya menampakkan kesan positif, iaitu memperkatakan perihal masyarakat secara realis dan hubungannya dengan alam (2010: 522). Dalam hubungan ini, keintiman pengarang dengan alam menjadi faktor penting yang membuahkan hasil cipta karya sastera Melayu yang amat banyak persamaannya dengan sifat kejadian alam semesta ciptaan Allah. Kesan ini diterapkan melalui Teori Pengkaedahan Melayu dengan penekanan kepada Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat. Dalam kajian ini, walaupun perkaitannya ada dari segi pendekatan moral, tetapi pendekatan moral dalam cerpen-cerpen yang dianalisis lebih menekankan elemen moral yang menyentuh tentang sikap dan prinsip hidup watak dan perwatakan yang diketengahkan.

Jamilah binti Syed Ahamed (2009) membuat kajian pada peringkat sarjana dengan tesis berjudul *Pendidikan nasional dalam cerpen-cerpen pilihan Singapura: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu*. Dalam analisisnya beliau memilih cerpen *Geylang yang Hilang*, *Ini Cengkerang Kita!*, *13 Mei*, *13 Warga* dan *Seekor Ayam* dan *Kasturi* sebagai bahan kajian dari sudut Teori Pengkaedahan Melayu dengan

berlandaskan Pendekatan Kemasyarakatan. Cerpen-cerpen tersebut dipilih kerana bersesuaian dan memenuhi kriteria Dasar Pendidikan Nasional Singapura yang berteraskan kepada 'kita mesti mengekalkan keharmonian kaum dan agama' atau dengan makna yang lebih jelas, 'walaupun kita terdiri daripada berbagai-bagai kaum dan agama, bahasa, budaya, kita mempunyai misi yang sama.' Jamilah mendapati pentingnya sastera dalam pembentukan jati diri rakyat Singapura yang terdiri daripada pelbagai kaum. Sastera yang diajar di sekolah boleh menyumbang kepada perpaduan kaum. Oleh sebab itu, demi survival Singapura persefahaman dan perpaduan kaum amat penting kerana bagi Jamilah, hanya dengan kerjasama dan keharmonian antara kaum sahaja Singapura boleh membangun dan membina jati dirinya sendiri.

Sebuah lagi tesis yang menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu telah dimanfaatkan oleh Tajul Arif Muhammad Yusof (2014). Tesis Ph.D beliau berjudul *Transformasi Kepimpinan dalam Novel Singapura: Analisis Pengkaedahan Melayu*. Dalam analisisnya beliau menggunakan novel Suratman Markasan bertajuk *Subuh Hilang Senja* (1989), *Tiga Lelaki* (1994) *Di Bumi Hijau* (1996) dan *Penghulu yang Hilang Segala-galanya* (1998). Berfokuskan kepada kepimpinan birokratik Tajul Arif menemui kepincangan masyarakat, kebejatan moral dan kesucian dakwah menyebabkan orang-orang Melayu Singapura gagal mengejar kemajuan seperti yang dikecapi oleh masyarakat lain di negara itu.

Dari aspek kepimpinan domestik pula, Tajul Arif menggunakan novel *Sarah Pengarang Kecil* (1958), *Mail Mahu Kahwin* (1976) dan *Syarifah* (1998) karya Muhammad Ariff Ahmad sebagai bahan kajiannya. Beliau selanjutnya mendapati novel-novel tersebut memaparkan keterpinggiran masyarakat Melayu Singapura dalam pelbagai bidang termasuk pelajaran, ekonomi dan politik. Hasilnya berlaku

konflik dalam masyarakat dan wujudlah kepemimpinan yang lemah dan ini menyebabkan orang-orang Melayu tersisih daripada arus pembangunan Singapura.

Bagi mengkaji kepemimpinan autokratik, Tajul Arif menggunakan novel *Dalam Keterasingan* (1989), *Batas Langit* (1996) dan *Ziarah Cinta* karya Mohamed Latiff Mohamed dan mendapati bahawa pertentangan masyarakat, kebobrokan moral dan eksploitasi aktiviti dakwah sebagai punca kegagalan masyarakat Singapura mengejar kemajuan yang direbut kaum lain. Sebagai masyarakat minoriti, orang Melayu Singapura sentiasa diasak dari pelbagai sudut hinggan mereka kehilangan identiti, manakala budaya politik yang tidak seimbang dan sihat menyebabkan mereka terpinggir dan hilang integriti dalam masyarakat. Tajul Arif dalam analisisnya terhadap novel Isa Kamari yang berjudul *Satu Bumi* (1998), *Kiswah* (2002), *Menara* (2002), dan *Tawassul* (2002) mendapati dari aspek kepemimpinan humanistik, punca kelemahan masyarakat Melayu Singapura adalah akibat daripada kepemimpinan yang lemah, moral yang rendah dan penghayatan dakwah yang tidak konsisten dengan situasi semasa.

Tajul Arif merumuskan bahawa keempat-empat pengarang yang novel mereka dikaji bukan sahaja menampilkan transformasi kepemimpinan yang rencam, malah mencorakkan bentuk pertumbuhan masyarakat yang sentiasa tercabar untuk survival. Runtuhnya perkampungan tradisional dan berlakunya pemindahan masyarakat Melayu ke estet perumahan atau pangsapuri moden telah mengubah sistem sosial dan budaya hidup. Akibatnya masyarakat Melayu menjadi terpinggir, malah dari segi percaturan politik yang sudah dirancang begitu dan hal ini menyebabkan mereka ketinggalan bukan sahaja dari segi pendidikan, pekerjaan dan ekonomi. Oleh kerana kajian Tajul Arif tertumpu kepada novel-novel pengarang Singapura yang memperkatakan tentang pergolakan kepemimpinan dalam masyarakat